

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**RAK 343 – KAJIAN PERUMAHAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**.

**Bahagian A (Jawab DUA soalan sahaja)**

1. Sebelum pembinaan sesuatu projek perumahan boleh dimulakan, seorang pemaju perlu mendapat beberapa kelulusan dari pihak penguasa tempatan.

Dengan bantuan carta aliran, jelaskan mengenai peringkat-peringkat kelulusan yang perlu diperolehi.

( 100 markah )

2. Anda didatangi oleh klien anda, seorang pemaju harta tanah yang terkemuka untuk mendapatkan khidmat profesional daripada anda untuk membangunkan sebuah projek perumahan mega di kawasan Balik Pulau, yang jauh daripada kesibukan dan hiruk-pikuk bandar Georgetown, Pulau Pinang. Projek perumahan ini perlu memenuhi permintaan berbagai jenis dan status ekonomi penduduk daripada golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi serta perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang dapat menyokong dan menampung keperluan harian mereka. Huraikan dengan memberi contoh-contoh yang bersesuaian:

- (a) Proses yang perlu kamu jalankan untuk menghasilkan cadangan pembangunan projek perumahan mega ini.

( 100 markah )

**ATAU**

- (b) Konsep dan strategi projek perumahan berkenaan serta cadangan kemudahan-kemudahan dan tipologi perumahan yang bersesuaian dengan status ekonomi penduduk-penduduk yang berbagai. Cadangan konsep kamu mesti berasaskan kepada salah satu daripada konsep jirandesia yang diamalkan dalam pembangunan perumahan masa kini dan perlu menggambarkan tren dan gaya hidup kontemporari yang digabungkan dengan gaya hidup yang mementingkan agama, budaya, sosial dan persekitaran.

( 100 Markah )

**Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)**

3. (a) Beri penjelasan apakah 'mod' (mode) perumahan?  
( 20 markah )
- (b) Untuk mengurangkan masalah-masalah perumahan terutamanya perumahan untuk golongan pendapatan rendah ada yang berpendapat bahawa perlu diadakan titik penemuan penyelesaian atau pensesuaian antara tindakan pembekal dan penerimaan pengguna. Terangkan apakah yang dimaksudkan pendapat tersebut?  
( 80 markah )
4. (a) Pihak kerajaan di sesuatu negara boleh memainkan peranan yang penting untuk menurunkan kos tanah dalam pembangunan perumahan.  
Apakah langkah-langkah atau pilihan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memberi kesan kepada penurunan kos tersebut.  
( 50 markah )
- (b) Terangkan secara ringkas, teknologi sebagai sumber perumahan boleh mempengaruhi penghasilan perumahan.  
( 50 markah )
5. (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan keperluan dan permintaan perumahan?  
( 20 markah )
- (b) Dari aspek sistem pembekalan perumahan D. Drakakis Smith telah menerangkan dua bentuk pembekalan perumahan iaitu pembekalan konvensyenal dan bukan konvensyenal. Jelaskan perbezaan kedua-dua bentuk pembekalan tersebut.  
( 80 markah )